

**ETR 300**  
**SHAMEERA HOUSING PLAN**  
**CONSULTANT**

*Kump. Projek Perkhidmatan Rundingcara dan Penyediaan Pelan Perumahan  
**Shameera Housing Plan Consultant**  
Diploma Pentadbiran Awam 5B  
ITM Cawangan Melaka  
Melaka*

*30 Oktober 1996*

*Tuan Hj. Ahmad Wahid  
Koordinator ETR 300  
Merangkap Pensyarah  
ITM Cawangan Melaka  
Melaka*

*Tuan,  
Laporan Cadangan Rancangan Perniagaan*

*Berhubung dengan perkara diatas, kami sekumpulan telah menyediakan sebuah Rancangan Perniagaan(RP) untuk projek yang kami telah cadangkan iaitu "Perkhidmatan Rundingcara & Penyediaan Pelan Rumah" seperti yang telah diarahkan oleh pihak tuan pada bulan Julai yang lalu.*

*Di atas kesempatan ini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas teguran, tunjuk ajar dan nasihat dari pihak tuan kepada kami dalam menyempurnakan Rancangan Perniagaan ini.*

*Sekian. Terima kasih.*

*Yang benar,*

*.....  
ABDUL HALIM AHMAD*

## **1.0 PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun menuju wawasan 2020. Jika dilihat pada masa kini, jelas menampakkan kekurangan kaum bumiputera khususnya melayu menceburi bidang keusahawanan ini.

Kerajaan sendiri kini sedang menggalakkan satu reformasi dalam bidang keusahawanan yang dipelopori oleh kaum bumiputera khususnya orang melayu. Sebagai menyahut cabaran kerajaan dan memandangkan masih ada lagi kekurangan usahawan Melayu yang berkecimpung di dalam perniagaan 'Perunding dan Penjualan Pelan Perumahan' , kumpulan kami telah membuat satu kajiselidik bagi membolehkan mana-mana individu bumiputera menggunakan Rancangan Perniagaan ini sebagai garis panduan dan tunjuk ajar.

Perniagaan *Shameera Housing Plan Consultant* ini menjadi pilihan kami kerana pada masa kini masyarakat lebih cenderung untuk mencuba sesuatu yang baru, yang mana ianya berbentuk perkhidmatan yang boleh memuaskan kehendak dan citarasa yang pelbagai. Ini adalah perniagaan berbentuk perkhidmatan yang professional. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat yang kami cadangkan ini ialah memberi khidmat nasihat kepada individu-individu dan kontraktor-kontraktor yang ingin membina rumah.

Kami yakin perniagaan ini mempunyai potensi untuk berkembang kerana ia berkaitan dengan keperluan asas penduduk negara yang semakin ramai. Ini dikuatkan lagi dengan kegagalan kontraktor untuk menyiapkan rumah-rumah dengan sempurna. Kini, kita sering

mendengar rungutan pembeli di mana rumah yang mereka beli mendap, retak, bocor dan sebagainya. Dengan adanya perkhidmatan ini pelanggan dapat menjimatkan wang mengikut keperluan mereka.

Kami juga yakin perniagaan ini mempunyai potensi untuk berkembang kerana ianya khusus bagi mereka yang berpendapatan sederhana, tinggi atau mereka yang ingin memiliki rumah idaman mereka. Memandangkan masyarakat sekarang sibuk dengan tugas dan aktiviti-aktiviti harian , maka kami rasa dapat membantu dalam menyiapkan rumah-rumah mereka dengan pengawasan dan pengalaman yang ada. Jumlah bayaran adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia. Jadi soal harga perkhidmatan tidak perlu dipersoalkan lagi.

Dengan kesemua yang ditawarkan ini kami berkeyakinan syarikat ini mampu berkembang maju disamping membantu kerajaan di dalam soal pembangunan masyarakat dan negara.

## **2.0 CADANGAN TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Kertas Kerja Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk memenuhi keperluan matapelajaran ETR 300 (Asas Keusahawanan). Ia juga sebagai asas dan panduan yang amat berguna seandainya kita ingin menubuhkan sesebuah perniagaan pada masa yang akan datang.

Rancangan perniagaan ini juga bertujuan untuk memohon pembiayaan kewangan dari pihak-pihak yang tertentu seperti bank-bank perdagangan atau syarikat kewangan untuk kemudahan pinjaman bagi modal pusingan syarikat.

Ia juga boleh menolong mengurangkan kadar pengangguran melalui peluang pekerjaan yang akan ditawarkan kepada penduduk sekitaran.

Sebagai menyahut seruan kerajaan Malaysia, kita kaum Bumiputra haruslah berani menceburkan diri dalam bidang keusahawanan di mana ianya banyak diceburi oleh kaum asing. Ia adalah untuk melihat sejauh mana masyarakat kita terutama para graduan masa kini supaya berani berdikari di dunia yang semakin mencabar dan penuh persaingan.